

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

**YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam memastikan pegawai-pegawai Kerajaan melaksanakan arahan Kerajaan untuk kesejahteraan rakyat; dan
- (b) apakah bentuk tindakan terhadap mereka yang telah menyalahi arahan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pegawai Kerajaan mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mendukung aspirasi Kerajaan. Maka menjadi kewajipan mereka untuk melaksanakan setiap dasar Kerajaan sebaik mungkin demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Dalam konteks ini, arahan boleh membawa maksud dasar yang dipelopori oleh pihak Kerajaan, peraturan yang dikuatkuasakan dalam Perkhidmatan Awam dan apa jua prosedur yang ditetapkan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Dalam memastikan pegawai Kerajaan melaksanakan setiap arahan, mereka diwajibkan menandatangani Surat Aku Janji. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan mereka akan betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggungjawab, dedikasi dan profesional. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan Perkhidmatan Awam yang cekap dan berwibawa supaya Negara terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni.

Selain itu, berdasarkan peraturan 4.(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A).395/1993], seorang pegawai hendaklah memberikan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan. Berdasarkan peraturan berkenaan, pegawai dalam menzahirkan perilaku taat setia, dituntut untuk sentiasa melaksanakan dasar dan arahan Kerajaan. Sebarang tindakan yang tidak selaras dengan dasar kerajaan boleh menyebabkan seseorang pegawai dikenakan tindakan tatatertib.

Pegawai yang tidak melaksanakan arahan Kerajaan boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana melanggar peruntukan peraturan 4.(1), P.U.(A)395/1993. Contoh pelanggaran adalah seperti membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadi, menyalahgunakan kedudukannya bagi faedahnya sendiri, mencemarkan imej Perkhidmatan Awam, bersikap kurang cekap, kurang berusaha, bersikap tidak jujur atau cuai dalam melaksanakan tugas.

Terdapat tujuh (7) jenis hukuman tatatertib yang boleh dikenakan ke atas seseorang pegawai yang didapati bersalah iaitu:

- (a) Amaran;
- (b) Denda;
- (c) Lucut Hak Emolumen;
- (d) Tangguh Pergerakan Gaji;
- (e) Turun Gaji;
- (f) Turun Pangkat; dan
- (g) Buang Kerja.

Sekian. Terima kasih.